

aab

Muruyama-Mahathir

JEPUN MEMAHAMI EAEC TETAPI PERLUKAN MASA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

I

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Tomiichi Muruyama berkata beliau memahami konsep Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia tetapi berpendapat negara-negara yang terlibat perlu membincangkan perkara itu dengan lebih lanjut.

Muruyama berkata Kerajaan Jepun akan terus mengkaji cadangan penubuhan EAEC itu, dan menambah bahawa beliau menghargai usaha Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menjelaskan konsep EAEC itu kepada Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton semasa lawatannya ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Ini dijelaskan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Awam, Kementerian Luar Jepun, Kishichiro Amae, ketika beliau memberi taklimat kepada para pemberita mengenai pertemuan antara Muruyama dan Dr Mahathir di sini, hari ini.

Amae berkata Dr Mahathir memberitahu Muruyama bahawa Malaysia menyokong Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tetapi tidak bersetuju ia dijadikan "sebuah masyarakat ekonomi eksklusif".

Mengenai EAEC, Dr Mahathir menegaskan bahawa ia tidak bermaksud untuk menubuhkan sebuah "blok perdagangan" tetapi sebuah forum bagi membincangkan persoalan-persoalan dan isu sebenar yang dihadapi oleh negara-negara Asia Timur, kata Amae. -- Lagi

▼27/08/17-38MST

CNS7970

U GB 27-08 00185 BD341

aab

Murayama-Mahathir 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata bahawa Jepun akan mempengerusikan sidang kemuncak APEC tahun depan dan sedang mendapatkan persetujuan negara-negara anggota bagi mengadakan satu sidang kemuncak ekonomi secara rasmi.

Para pemimpin Malaysia memberitahu Murayama bahawa Malaysia akan meneruskan "Dasar Pandang Ke Timur" nya dan meminta Jepun meningkatkan kerjasamanya, kata Amae.

Sehubungan itu, Malaysia menyambut baik komitmen Jepun bagi menerima lebih ramai penuntut Malaysia, yang kini berjumlah kira-kira 2,000 orang, tetapi mengadu bahawa ia membebankan Kerajaan Malaysia akibat kenaikan nilai Yen.

"Bagi mengatasi masalah itu, Dr Mahathir mencadangkan agar Kerajaan Jepun atau sektor swastanya mewujudkan sekolah-sekolah atau pusat latihan di Malaysia, khususnya dalam bidang teknologi tinggi," kata Amae.

Dr Mahathir juga berkata para majikan Jepun dalam bidang berkenaan boleh datang ke Malaysia untuk menjadi pengajar yang boleh mempercepatkan pemindahan teknologi, kata beliau.

Kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan isu-isu perdagangan dua hala dan nilai matawang Yen.

Murayama memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa kerajaannya sedang berusaha untuk menstabilkan matawangnya dan mengaku bahawa nilai Yen yang tinggi tidak semestinya baik untuk Jepun. -- Lagi

▼27/08/17-38MST

CNS7971

R GB 27-08 00155 BD342

aab

Muruyama-Mahathir 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir mendakwa bahawa harga barangan Jepun masih tinggi sungguhpun kos pengeluaran telah menurun di Jepun, kata Amai.

Beliau berkata Dr Mahathir juga bertanya kepada Muruyama sama ada Jepun boleh memindahkan kemudahan pengeluaran barangan perantaraannya ke Malaysia bagi membolehkan para pengilang Malaysia memperolehinya dengan harga yang lebih rendah bagi mengeluarkan barangan siap.

Jepun juga diminta supaya membuka pintu kepada lebih banyak barangan keluaran Malaysia bagi mengatasi imbalan dagangan antara kedua-dua negara yang lebih menguntungkan Jepun.

Muruyama, bagaimanapun mengingatkan Dr Mahathir bahawa corak perdagangan sejak beberapa bulan kebelakangan ini menunjukkan bahawa eksport barangan kilang Malaysia ke Jepun sedang meningkat, kata Amai.

Diplomat Kementerian Luar Jepun itu juga berkata bahawa Murayama memberitahu Dr Mahathir bahawa Dewan Perniagaan Jepun akan menganjurkan galakan eksport di seluruh rantau Asia Tenggara Oktober ini yang mana perbincangan mengenai imbalan dagangan antara kedua-dua negara boleh diadakan. -- Lagi

▼27/08/17-39MST

CNS7984

U GB 27-08 00162 BD343

aab

Murayama-EAEC 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir, kata Amai, juga memberitahu rakan sejawatannya dari Jepun itu bahawa beliau (Mahathir) "tidak menggalakkan rakyat Malaysia untuk meminta ganti rugi daripada kerajaan Jepun di atas jenayah Jepun semasa Perang Dunia kedua".

Ketika mengelakkan isu "hamba seks" - istilah itu tidak ditimbulkan semasa pertemuan mereka itu - Dr Mahathir berkata isu ganti rugi itu akan membawa kepada keadaan yang mana rakyat akan mula menimbulkan persoalan jenayah yang dilakukan 200 atau 300 tahun dahulu semasa Malaysia di bawah pemerintahan kolonial, kata pegawai Jepun itu.

Dr Mahathir menegaskan bahawa Jepun tidak seharusnya terlalu menumpukan perhatian kepada perkara yang telah berlaku tetapi sebaliknya memandang ke hadapan, berasaskan hubungan dengan negara-negara jirannya hari ini.

"Perdana Menteri Malaysia itu juga melahirkan sokongannya terhadap kemasukan Jepun ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menggesa Jepun supaya memainkan peranan yang lebih aktif untuk keamanan di Asia," kata Amai. -- Bernama

MAM MZ PR

▼27/08/17-55MST